

02/12/1997

Pelabur asing masih taruh kepercayaan

Hatipah Ahmad

KELEMBAPAN ekonomi negara ketika ini dijangka akan pulih berikutan masih ada keyakinan pelabur asing terhadap sektor perniagaan tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan gembira kerana pelabur asing masih menanam kepercayaan kepada prospek perniagaan di Malaysia walaupun negara mengalami masalah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

"Walaupun negara kini mengalami jerebu kewangan tetapi ia tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap sektor perniagaan, malah sudah ada banyak kerjasama dimeterai di antara mereka."

"Ini adalah satu petanda baik kerana ia boleh menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan tempatan dan seterusnya memulihkan semula keadaan ekonomi negara yang lembap, ketika ini," katanya selepas melancarkan tangki komposit buatan Malaysia yang pertama di Kuala Lumpur, semalam.

Tangki komposit pertama yang diperbuat daripada gentian kaca itu dikenali Hi-Kleen Petrotank dan ia dikeluarkan oleh syarikat tempatan, PJS Industries Sdn Bhd (PJS).

Di majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan tiga perjanjian dimeterai antara PJS dan dua ejen pemasaran dari Afrika Selatan dan Indonesia manakala satu lagi dengan syarikat Amerika Syarikat, Hydrospin Inc.

Katanya, kerjasama dan minat yang dimeterai di antara syarikat asing dan tempatan itu juga memperlihatkan sektor perusahaan di Malaysia masih berjalan lancar dan baik.

Oleh itu, golongan perniagaan dan bank tempatan seharusnya yakin dan mengambil sikap seperti pelabur asing dalam usaha membantu kerajaan meningkatkan semula ekonomi negara.

Sementara itu, katanya, kerajaan juga bangga dengan pencapaian syarikat tempatan dalam bidang teknologi baru hingga mampu menghasilkan tangki komposit yang pertama di negara ini.

Menurutnya, bidang teknologi komposit adalah satu bidang yang penting dan menjadi semakin penting daripada semasa ke semasa. Syarikat tempatan perlu mengambil daya usaha untuk menghasilkan produk yang lebih maju seperti pesawat terbang komposit.

Katanya, hasrat itu adalah tidak mustahil kerana syarikat Malaysia kini sudah maju dan tidak boleh dinafikan keupayaan mereka, yang sudah dianggap setanding dengan syarikat asing.

Oleh itu, beliau menggesa syarikat tempatan supaya meningkatkan usaha dan mencari alternatif baru bagi mempercepatkan pemindahan teknologi dari syarikat asing.

(END)